

10/04/1999

Penentang Umno bertindak melampau

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Penentang Umno kini bertindak melampaui batasan kemanusiaan apabila turut menyebarkan khabar angin kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah meninggal dunia.

Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT), Datuk Mustapa Mohamed, berkata berita kematian Perdana Menteri tersebar pantas sejak dua tiga hari lalu termasuk melalui Internet sejak Dr Mahathir dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN).

Malah, katanya, menerusi Internet gologan itu menghebahkan kononnya Dr Mahathir sudah meninggal dunia dua tiga hari lalu dan jenazahnya disimpan sementara menunggu masa untuk dikebumikan.

Beliau berkata, Umno kesal dengan sikap yang tidak bertanggungjawab itu kerana perbuatan berkenaan di luar batasan agama kerana sanggup menuduh orang yang masih hidup, sudah mati.

"Ini negara Islam, orang Islam, orang Melayu dan kalau orang Kristian, Buddha dan Hindu boleh menghormati orang lain, tidak pernah pula saya mendengar mereka mendoakan agar pemimpin mereka mati.

"Tetapi, kita orang Islam, orang Melayu oleh kerana politik punya pasal dan kata Umno taghut, mereka sanggup menabur fitnah merata tempat kepada pemimpin yang banyak berjasa kepada rakyat dan negara.

"Rata-rata mereka menyebarkan berita bahawa Perdana Menteri sudah tidak ada lagi. Begitu melampau puak-puak ini. Dia lupa apa sumbangan Perdana Menteri, dia lupa apa sumbangan Umno, sebaliknya mendoakan seorang Islam lain supaya meninggal dunia.

"Inilah zalimnya puak-puak yang tidak suka kepada Umno," katanya dalam ceramah perdana anjuran Umno dan Barisan Nasional (BN) Kelantan di Kampung Pak Badol dekat sini, malam tadi.

Turut serta, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa; Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri; Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor dan Setiausaha BN negeri, Datuk Mohd Ariffin Abdul Hamid.

Mengenai perjuangan Umno, Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan merangkap Menteri Kewangan Kedua, berkata Umno berjuang untuk kemajuan dan mengangkat martabat umat Islam kepada bangsa yang dihormati.

Katanya, kemajuan dan kejayaan yang dinikmati orang Melayu sekarang adalah usaha gigih yang dilakukan Umno.

"Apa yang dinikmati sekarang bukan Pas yang lakukan, ini semua dilakukan Umno dan pemimpin-pemimpinnya," katanya.

Katanya, Perdana Menteri berjaya mempertahankan dasar ekonomi negara tanpa perlu tunduk kepada bantuan kewangan antarabangsa walaupun pada ketika yang sama banyak negara lain menghadapi krisis ekonomi, sudah terikat dengan dasar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

"Kalau tidak kerana keupayaan Perdana Menteri, seluruh pemimpin Umno dan BN menangani kegawatan ekonomi dengan menyerah diri kepada IMF sudah pasti kita akan hilang hak kebebasan menentukan dasar ekonomi sendiri untuk membantu rakyat apabila terpaksa mengikut telunjuk mereka," katanya.

(END)